

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 20 OGOS 2016 (SABTU)**



<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Bazar inovasi akar umbi	Utusan Online
2.	Kementerian Pendidikan aktif bilik kawalan jerebu	Berita Harian
3.	Pantau jerebu	myMetro Online
4.	Ministry monitoring haze, says Mahdzir	New Straits Times

BERITA ONLINE  
UTUSAN ONLINE  
TARIKH: 20 OGOS 2016 (SABTU)



## Bazar inovasi akar umbi

19 Ogos 2016 6:00 PM



**Bagi mencapai status sebuah negara maju, Malaysia perlu terus membangun dengan pantas serta memiliki penjanaaan sumber ekonomi yang kukuh.**

Untuk tujuan tersebut, negara perlu berubah daripada sebuah negara pengguna kepada sebuah negara pengeluar agar ekonomi dapat berkembang dengan lebih cepat.

Menjadi sebuah negara pengeluar bukanlah mudah kerana Malaysia memerlukan produk-produk yang berdaya saing serta dapat memenuhi kehendak masyarakat dunia masakini.

Justeru, penciptaan produk serta teknologi baharu merupakan antara tumpuan yang diberikan oleh kerajaan buat masa ini.

Menurut **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah**, kerajaan kini sedang berusaha gigih untuk merubah Malaysia ke arah sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Jelasnya, demi mencapai misi tersebut bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) merupakan antara faktor penting dalam memastikan usaha tersebut berjaya dilaksanakan.

“Dijangkakan menjelang tahun 2020 rakyat negara ini akan menjadi lebih kreatif dan inovatif tidak hanya kepada pengguna teknologi malah mereka yang menyumbang kepada kemajuan teknologi dan inovasi kepada negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis prapelancaran Bazar Inovasi dan Forum bertajuk Pasaran Dinamik Untuk Usahawan Inovatif dan Idea Kreatif di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia (SME Corp), Saifol Bahri Shamlan dan Presiden Persatuan Kreatif dan Inovasi Malaysia (Macri), Datuk Shaik Sulaiman Ismail.

Idea serta penghasilan produk-produk baharu yang lebih inovatif dan kreatif terus mendapat perhatian MOSTI, justeru pelbagai program dan aktiviti sedang galak dilaksanakan selain turut menyokong mana-mana agensi atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergiat aktif mengetengahkan inovasi akar umbi di negara ini.

Terbaharu, Persatuan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (Macri) dengan kerjasama MOSTI serta agensi-agensi di bawahnya akan menganjurkan program Bazar Inovasi dan Forum bertajuk Pasaran Dinamik Untuk Usahawan Inovatif dan Idea Kreatif.

Bazar Inovasi diadakan adalah bagi memenuhi hasrat kerajaan dalam membangunkan budaya inovasi serta mengembangkan produk-produk inovasi tersebut.

Selain itu, program tersebut bertujuan untuk mempromosi kreativiti dan inovasi menerusi bengkel, latihan dan program-program lain berunsurkan ilmu pengetahuan.

Seterusnya mencipta lebih banyak landasan dan kawasan untuk para pereka untuk memapar dan mendedahkan idea-idea mereka serta membantu mereka untuk mengetengahkan idea sehingga ke tahap memasarkan produk inovasi yang dihasilkan.

Diadakan di bangunan Platinum Sentral Kuala Lumpur (Platinum Sentral KL) bazar tersebut bakal diadakan pada setiap bulan dan jika mendapat sambutan program tersebut akan dilaksanakan dengan lebih kerap sehingga setiap minggu.

Jelas Dr. Abu Bakar, pereka cipta tempatan sukar mengetengahkan produk inovasi mereka kerana tidak memiliki platform sesuai justeru program Bazar Inovasi yang akan

dilaksanakan merupakan antara platform yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

“Bazar Inovasi ini adalah yang pertama diperkenal dan dijangka menjadi platform kepada pengeluar produk inovasi mendapatkan maklumat lebih lanjut untuk mendapatkan geran bawah MOSTI serta mengkomersialkan produk mereka,” katanya.

Pelbagai aktiviti juga sedang dirancang dan akan dilaksanakan sepanjang program tersebut seperti bengkel dan forum, penciptaan jaringan pemasaran, pelbagai pertandingan, jualan serta demo inovasi dan pelancaran.

Bakal bermula Jun ini, Bazar Inovasi buat kali pertamanya akan diadakan sebulan sekali bazar tersebut berkonsepkan kreativiti, dinamik dan pelbagai platform buat masyarakat pereka cipta.

Penganjur turut membawakan konsep bazar secara terbuka untuk menarik minat lebih ramai orang untuk melawatinya dan dikendalikan oleh golongan muda dari NGO, kolej-kolej serta universiti seluruh negara.

Antara sasaran pengunjung bazar tersebut adalah pereka cipta dan pencipta dari institusi pengajian tinggi (IPT), organisasi belia, usahawan kecil sederhana (SME) dan usahawan mikro dengan rekaan yang kreatif dan berinovasi.

Sementara itu, MOSTI sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab sentiasa komited untuk mewujudkan produk berinovasi negara yang berimpak tinggi.

Hal demikian diakui Dr. Abu Bakar dengan menawarkan pemberian geran bernilai RM290 juta tahun ini kepada mereka yang layak.

Kementerian berkenaan menasaskan untuk meluluskan sekurang-kurangnya RM270 juta daripada keseluruhan dana bagi melaksanakan hampir 200 projek menjelang akhir tahun.

“MOSTI menasaskan 360 produk inovasi berimpak tinggi menjelang 2020 sebagai usaha merencanakan aktiviti pengkomersialan produk berinovasi di negara ini.

“Kami yakin sasaran berkenaan mampu direalisasikan menerusi pelancaran Bazar Inovasi yang akan mengetengahkan produk inovatif tempatan ke pengetahuan umum, sekali gus menyediakan platform kepada pengusahanya untuk mempromosikan produk mereka.

“Bagi tahun ini saja, sebanyak 12 produk yang dihasilkan menerusi geran yang disediakan MOSTI sudah dikenal pasti mencapai standard tinggi dan berpotensi untuk dikomersialkan,” katanya.

Tambah Dr. Abu Bakar, menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan RMK-10, MOSTI memperuntuk masing-masing dana sejumlah RM2.89 bilion dan RM906 juta bagi menjalankan aktiviti memacu dan membangunkan aktiviti penyelidikan, pembangunan serta pengkomersialan di negara ini.

- See more at: <http://www.utusan.com.my/sains-teknologi/sains/bazar-inovasi-akar-umbi-1.372323#sthash.mqCp30jk.dpuf>



Mahdzir diiringi Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh (dua dari kiri) memeriksa perbarisan Pemuda, Puteri dan Wanita UMNO bahagian pada Majlis Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Bharu Ke-22 di Kota Bharu, semalam.

## Kementerian Pendidikan aktif bilik kawalan jerebu

➔ Arahan susulan akan dikeluarkan bagi kawal aktiviti di luar sekolah

Oleh attirmidzie Rahman  
bhnews@bh.com.my

✦ Kota Bharu

**B**ilik kawalan kecemasan jerebu peringkat Kementerian Pendidikan diaktifkan bagi memantau perkembangan di sekolah seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata arahan susulan kepada pihak sekolah akan dikeluarkan bagi mengawal aktiviti di luar sekolah berikutan peningkatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sejak beberapa hari lalu.

"Setakat ini, keadaan jerebu terkawal tetapi arahan meng-

aktifkan bilik gerakan dilakukan sebagai langkah awal bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

### Kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia

"Kita bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi memastikan kawalan jerebu dilakukan dengan lebih berkesan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Bharu di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata jerebu rentas sempa-

dan kembali melanda berikutan kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan.

Sementara itu, Mahdzir berkata, bidang pendidikan banyak membawa perubahan kepada ekonomi dan pembangunan insan di negara ini.

Katanya, kejayaan itu dicapai hasil perpaduan yang diamal-kan pemimpin terdahulu.

"Semangat ini diteruskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang mahu kita memupuk semangat watsatyyah atau setiakawan dalam kehidupan," katanya.



## Pantau jerebu



Mohamad Zulhairie Manzaidi  
*am@hmetro.com.my*

Kota Bharu: Kementerian Pendidikan mengaktifkan bilik gerakan memantau jerebu sejak dua hari lalu bagi membolehkan langkah segera diambil jika udara tercemar teruk.

Menterinya, Datuk Seri Mahadzir Khalid berkata, pihaknya juga bekerjasama dengan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Jabatan Meteorologi Malaysia** bagi tujuan berkenaan.


"Kita juga sudah bermesyuarat bersama baru-baru ini dan langkah segera akan diambil sekiranya tahap jerebu makin teruk dan boleh membahayakan keselamatan pelajar.

"Bilik gerakan akan menyalur maklumat yang diperlukan dengan pembabitan agensi berkenaan," katanya ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Bharu, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, katanya, setakat ini bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) masih terkawal dan sesi persekolahan diteruskan seperti biasa.

Bagaimanapun beliau berkata, langkah penutupan sekolah hanya akan diambil sekiranya IPU cecah paras bahaya.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 19 Ogos 2016 @ 2:41 PM



**Datuk Seri Mahdzir Khalid**, accompanied by Kota Baru Umno chief **Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh** (right), greeting committee members at Dewan Umno Kelantan in Kota Baru yesterday. Pic by Syamsi Suhaimi

## Ministry monitoring haze, says Mahdzir

**KOTA BARU:** The Education Ministry activated its emergency operations room two days ago in an effort to monitor the haze, especially in areas where there are schools, said Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid.

He said the ministry was working with the Natural Resources and Environment Ministry, Science, Technology and Innovation Ministry and the Meteorological Department.

"So far, there is still nothing (haze). The Air Pollutant Index is increasing, but it is not critical and

has not shown any effect yet on the students," he said after opening the Kota Baru Umno division delegates meeting at the Kelantan Umno building here yesterday.

Also present was Kota Baru Umno division chief Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh.

Yesterday, Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar was reported as saying that he would inform Indonesia that the land and forest fires in central Sumatra had

caused transboundary haze in several areas in Malaysia.

Last Tuesday, the haze returned to several areas in the Klang Valley, Malacca and Negri Sembilan following an increased number of hotspots in Indonesia.

Asked about school closure should the haze worsen, Mahdzir said it would depend on the standard operating procedures issued by the ministry in respect of a disaster.

"There are rules and procedures

on closure of schools in the event of haze. The haze is still not serious and it is too early to act," he said.

Meanwhile, in his speech, Mahdzir said that after nearly 60 years of independence, Malaysians had succeeded in various fields, especially in education.

The achievement was due to racial unity and the people's loyalty towards the leaders and not getting themselves involved in activities that could create chaos in the country, he added. **Bernama**